

Tiada kerjasama dari-pada penduduk yang dianggap memen-tingkan diri sendiri itu antara faktor masalah banjir di Me-ru, dekat sini, gagal mene-mui jalan penyelesaiannya walaupun kerap berlaku te-rutamanya pada musim hu-jan.

Ketua Kampung Meru Thaifor Noor berkata, ada se-buah jambatan milik persendirian yang dilihat antara punca penghalang laluan air kerana ia menjadi perangkap sampah sekali gus menga-kibatkan perjalanan air menjadi lambat.

“Jambatan ini sering di-tambak setiap kali ia mendap mengakibatkan struktur jambatan itu semakin me-nutupi laluan air parit untuk ke sungai.

“Masalah ini dimaklum-kan kepada penduduk yang sering menggunakan jamba-tan berkenaan, namun tiada siapa yang mengambil berat, kemungkinan kebanyakan yang tinggal di situ bukan penduduk tempatan,” kata-nya ketika ditemui.

Selain itu, Thaifor menga-kui ada beberapa perkara sudah dikenal pasti antara yang menjadi punca masalah banjir seperti kedudukan geografinya yang rendah.

Beliau berkata, kedudukan geografi Meru adalah seperti sebuah kolam tadahan air, apabila kawasan tinggi di se-keliling hujan, Meru akan banjir, begitu juga apabila kawasan ini hujan dalam tempoh sejam.

Menurutnya, setiap kali hujan, beberapa kawasan di Meru pasti akan ditengge-lami air, penduduk yang terjejas terpaksa berpindah di pusat pemindahan se-mantara bagi mendapatkan



THAIFOR menunjukkan jambatan yang mendap menjadi punca banjir di Persiaran Hamzah Alang Meru, Klang.

Tak hirau susah orang

■ Isu banjir tak selesai akibat penduduk pentingkan diri

“Jambatan ini sering ditambah setiap kali ia mendap mengakibatkan struktur jambatan itu semakin menutupi laluan air parit untuk ke sungai”

Thaifor Noor

perlindungan.

Menurut Thaifor, masalah banjir ini bukan sesuatu per-kara yang baru, hingga pen-duduk sudah biasa, namun perkara itu tetap dianggap serius kerana ia menjejaskan penempatan penduduk se-kitar.

Beliau berharap masalah itu dapat diselesaikan segera kerana penduduk berdepan dengan masalah khususnya kerosakan harta benda setiap kali banjir.

Sementara itu, Ketua Ko-

munikasi dan Pengaduan Awam Majlis Perbandaran Klang (MPK) Norfiza Mahfiz berkata, pihaknya prihatin dengan masalah banjir ber-kenaan.

“Projek menaik taraf sis-tem saliran di Persiaran Hamzah Alang yang sudah bermula pada 14 Jun lalu dan dijangka siap pada 13 Jun 2016 membabitkan perun-tukan RM10.8 juta,” kata-nya.

Norfiza berkata, kerja baik pulih itu dengan kerjasama

Jabatan Pengairan dan Sa-liran (JPS) negeri, memba-bitkan kerja pembinaan din-ding banjir berukuran 1.5 ki-lometer.

Selain itu, katanya, JPS ne-geri turut melakukan kerja mendalamkan perparitan di Persiaran Hamzah Alang Su-ngai Binjai sepanjang 6.9 ki-lometer dari Pekan Meru hingga Pekan Kapar, terma-suk menggantikan jambatan baru bagi menggantikan jambatan persendirian yang menghalang pengaliran air.